

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

NOTIS PENTING

- i. Pemegang Kad dianggap telah menerima dan terikat dengan Terma dan Syarat di bawah apabila membuat pengakuan menerima atau menggunakan **Kad Debit-i Mastercard Bank Rakyat** (selepas ini dirujuk sebagai "**Kad Debit-i Bank Rakyat**") yang bermaksud setiap Kad Debit-i yang dikeluarkan oleh Bank Rakyat, termasuk semua Kad Debit-i yang dikeluarkan secara kolaborasi penjenamaan ("co-brand") dengan mana-mana rakan niaga terpilih).
- ii. Pemegang Kad adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat **Kad Debit-i Bank Rakyat** dan segala pindaan-pindaan ke atasnya pada masa akan datang selaras dengan pengeluaran atau penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat**.
- iii. Untuk keselamatan, sila TANDATANGAN di belakang **Kad Debit-i Bank Rakyat** anda dengan SEGERA agar pihak ketiga tidak dapat menggunakannya.
- iv. Pemegang Kad PERLU memaklumkan Bank dengan kadar SEGERA sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan. Sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1300-80-5454 atau +603-5526 9000 (Talian Antarabangsa) atau Cawangan berhampiran untuk sebarang pengemaskinian maklumat seperti perubahan alamat dan nombor telefon atau sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan tentang **Kad Debit-i Bank Rakyat**.
- v. Untuk laporan kehilangan dan kecurian **Kad Debit-i Bank Rakyat**, sila hubungi talian Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1-300-80-5454 atau +603-5526 9000 (Talian Antarabangsa) dengan kadar SEGERA. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas sebarang urusan dan penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** sebelum penerimaan pemberitahuan tersebut oleh Bank.
- vi. Sekiranya terdapat kesilapan atau percanggahan pada transaksi **Kad Debit-i Bank Rakyat** anda, sila maklumkan kepada Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1-300-80-5454 atau +603-5526 9000 (Talian Antarabangsa) atau Cawangan berhampiran dengan kadar SEGERA iaitu dalam masa 14 hari dari tarikh transaksi tersebut dilakukan.
- vii. Pemegang Kad perlu memaklumkan kepada Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1-300-80-5454 atau +603-5526 9000 (Talian Antarabangsa) terlebih dahulu sekiranya ingin menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** bagi membuat sebarang urusan di luar negara.

1.0 TERMA DAN SYARAT

1.1 Pengeluaran **Kad Debit-i Bank Rakyat** oleh Bank kepada Pemegang Kad, pengakuan penerimaan dan/atau penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** oleh Pemegang Kad adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini termasuk sebarang perubahan dan penambahan seperti yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa.

1.2 DEFINISI DAN INTERPRETASI

1.2.1 **Akaun** bermaksud Akaun Simpanan-i di bawah nama pemegang akaun yang memegang tanggungjawab utama terhadap semua urusan akaun berkenaan. Semua pemegang akaun adalah bertanggungjawab ke atas sebarang urusan yang timbul daripada penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** yang dikhususkan untuk akaun bersama.

1.2.2 **Kad Debit-i Bank Rakyat** bermaksud setiap Kad Debit-i yang dikeluarkan oleh Bank, termasuk semua Kad Debit-i yang dikeluarkan secara kolaborasi penjenamaan ("co-brand") dengan mana-mana rakan niaga terpilih, yang boleh menggunakan aplikasi ATM Bank Rakyat dan sebarang penggantinya yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad untuk membolehkan mereka menggunakan ATM, CDM atau di kaunter cawangan-cawangan Bank yang diluluskan dan/atau ditetapkan, melalui pad PIN atau cara lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, di dalam atau luar Malaysia.

1.2.3 **Pemegang Kad** bermaksud pendeposit yang memegang **Kad Debit-i Bank Rakyat** di mana Bank adalah tuan empunya **Kad Debit-i Bank Rakyat**.

1.2.4 **Pengakuan Penerimaan** bermaksud sebarang dokumen yang diterima oleh Bank dan ditandatangani oleh Pemegang Kad bagi tujuan pengakuan penerimaan **Kad Debit-i Bank Rakyat**, termasuk penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** selepas pengaktifan kad dilakukan.

1.2.5 **SST** bermaksud terminal layan diri termasuk ATM, Mesin Deposit Tunai (CDM) dan mesin layan diri lain yang dipasang oleh pihak Bank atau Rangkaian antara Bank yang dikongsi untuk kegunaan Pemegang Kad.

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

- 1.2.6 **ATM** bermaksud Mesin Juruwang Automatik atau alat milik Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga sama ada di Malaysia atau tempat-tempat lain.
- 1.2.7 **MEPS** bermaksud Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd atau Sistem Bayaran Elektronik Malaysia yang menyediakan mesin automatik atau Automated Teller Machine Network bagi Bank dan semua institusi-institusi perbankan yang menggunakan rangkaian MEPS.
- 1.2.8 **My-Debit** bermaksud perkhidmatan yang membolehkan pemegang **Kad Debit-i Bank Rakyat** membuat transaksi pembelian di saudagar/pedagang (merchant) yang terpilih di seluruh negara.
- 1.2.9 **Urusniaga** bermaksud urusniaga yang dilakukan/boleh dilakukan dengan/tanpa menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** dan/atau telefon dan termasuk pengeluaran, pembayaran, pindahan wang, pertanyaan baki, deposit (wang tunai atau cek), pembelian runcit bagi barangan yang patuh Syariah, pembayaran Akaun Kad Kredit-i, permintaan penyata kewangan Akaun Simpanan-i, bayaran bil dan sebarang khidmat perbankan elektronik lain yang ditawarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 1.2.10 **Perkhidmatan** bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pemegang **Kad Debit-i Bank Rakyat** termasuk SST, Perbankan Telefon dan perkhidmatan perbankan elektronik yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 1.2.11 **PIN** bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan melalui mana-mana SST.
- 1.2.12 **Pemegang Kad Bersama** bermaksud satu atau lebih Kad dikeluarkan bagi akaun bersama. Pemegang Kad Bersama bertanggungjawab secara bersama di bawah Terma & Syarat yang dinyatakan bagi tujuan perkataan yang digunakan meliputi erti orang perseorangan dan juga bermaksud beberapa orang.
- 1.2.13 **Nombor Laluan** bermaksud nombor laluan yang diberikan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad yang perlu digunakan bersama PIN untuk Perbankan Telefon, sekiranya ada.
- 1.2.14 **Saudagar Dibenarkan** bermaksud mana-mana individu atau peruncit yang dalam perjanjian, bersetuju menerima **Kad Debit-i Bank Rakyat** sewaktu pembayaran bagi barangan dan/atau perkhidmatan.
- 1.2.15 **Pengeluar Tunai Dibenarkan** bermaksud mana-mana cawangan, pejabat, lokasi atau saudagar sama ada di Malaysia atau tempat-tempat lain yang ditetapkan oleh Bank atau mana-mana ahli gabungan MasterCard International yang menyediakan kemudahan pengeluaran wang tunai.
- 1.2.16 **Pengeluaran Wang Tunai** bermaksud pengeluaran wang tunai daripada Akaun di ATM atau di mana-mana Pengeluar Tunai Dibenarkan.
- 1.2.17 **Deraf Jualan** bermaksud slip, borang atau dokumen berkaitan yang diberikan oleh Bank atau mana-mana ahli gabungan MasterCard International kepada Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan bagi tujuan merakam, mengesahkan dan membuktikan pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat oleh Pemegang Kad dengan menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat**, yang didebitkan ke Akaun.
- 1.2.18 **Terminal Tanpa Sentuh (Contactless)** bermaksud terminal urusniaga dan di mana perlu, dilengkapi dengan pembaca tanpa sentuhan yang dapat membaca, berkomunikasi dan memproses tarikh urusniaga dari Cip **Kad Debit-i Bank Rakyat**.
- 1.2.19 **MasterCard International** bermaksud MasterCard International.
- 1.2.20 **Tarikh Ulang Tahun** bermaksud tarikh **Kad Debit-i Bank Rakyat** dikeluarkan dan sekiranya **Kad Debit-i Bank Rakyat** hilang, dicuri, rosak atau jika PIN diketahui orang atau dilupai, bermaksud tarikh penggantian **Kad Debit-i Bank Rakyat** tersebut.
- 1.2.21 **Tarikh Tempoh Sah** bermaksud tarikh tamat **Kad Debit-i Bank Rakyat** yang dicetak di atas kad.
- 1.2.22 **Arahan Telekomunikasi** bermaksud arahan daripada Pemegang Kad kepada Bank menerusi telefon atau penghantaran faksimili atau melalui sebarang arahan telekomunikasi.
- 1.3 Terma dan Syarat ini adalah tambahan dan tertakluk kepada perjanjian, peraturan dan garis panduan serta Terma dan Syarat yang mengawal Akaun, perkhidmatan serta kemudahan di bawah Akaun dan/atau melalui penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 1.4 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau perbezaan di antara perjanjian, peraturan dan garis panduan serta Terma dan Syarat yang mengawal Akaun, perkhidmatan dan kemudahan yang

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

dinyatakan di atas dengan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat ini haruslah dijadikan rujukan utama apabila dikaitkan dengan penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat**.

- 1.5 Terma dan Syarat ini adalah tidak muktamad dan pihak Bank berhak dari semasa ke semasa untuk menambah, membatalkan atau meminda mana-mana terma dan syarat ini pada bila-bila masa dengan memberi notis pemberitahuan tidak kurang daripada 21 hari sebelum penambahan, pembatalan atau pindaan dilaksanakan mengikut kaedah pemberitahuan yang ditentukan atas budibicara Bank sama ada melalui:
 - a. penghantaran notis ke alamat terakhir diketahui oleh Bank kepada Pemegang Kad; atau
 - b. penghantaran secara sistem pesanan ringkas atau mel elektronik ke alamat atau nombor telefon Pemegang Kad yang diketahui oleh Bank; atau
 - c. menyiarkan notis mengenainya di laman sesawang rasmi Bank; atau
 - d. mana-mana kaedah pemberitahuan lain yang dirasakan sesuai oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 1.6 Baki akaun simpanan Pemegang Kad yang dilaporkan oleh SST dan Perbankan Telefon atau apa-apa cara lain tidak boleh dianggap sebagai penyata muktamad bagi akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank untuk apa jua tujuan.
- 1.7 Pihak Bank akan menyimpan rekod urusan bulanan bagi semua urusan **Kad Debit-i Bank Rakyat** yang berkaitan dengan akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank.
- 1.8 Untuk **Kad Debit-i Bank Rakyat**, tiada Penyata Bulanan Transaksi akan dicetak dan dihantar kepada Pemegang Kad.
 - 1.8.1 Transaksi **Kad Debit-i Bank Rakyat** boleh disemak melalui saluran perbankan internet iRakyat dari semasa ke semasa secara PERCUMA (Nota: Pendaftaran untuk perkhidmatan iRakyat perlu dibuat melalui ATM Bank Rakyat dengan menggunakan Kad Rakyat atau melalui cara lain yang akan dimaklumkan kelak).
 - 1.8.2 Permohonan untuk salinan Penyata Transaksi **Kad Debit-i Bank Rakyat** boleh juga dibuat dengan menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat dan Pemegang Kad akan dcaj untuk setiap permohonan yang dibuat.

2.0 KAD DEBIT-i BANK RAKYAT

- 2.1 **Kad Debit-i Bank Rakyat** adalah hak milik Bank pada setiap masa dan mesti diserahkan kembali kepada pihak Bank apabila diminta berbuat demikian.
- 2.2 Sebaik menerima **Kad Debit-i Bank Rakyat**, Pemegang Kad hendaklah segera menandatangani di belakang **Kad Debit-i Bank Rakyat** tersebut. Dengan menandatangani atau menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat**, Pemegang Kad dianggap bersetuju untuk tertakluk di bawah Terma dan Syarat ini.
- 2.3 Pemegang Kad hendaklah menyimpan dan menggunakan sendiri kadnya dan tidak boleh memindah milik, mencagar atau menggunakannya sebagai jaminan untuk sebarang urusan kredit.
- 2.4 **Kad Debit-i Bank Rakyat** hanya sah sekiranya digunakan di dalam Tarikh Tempoh Sah Kad. Pemegang Kad hendaklah memastikan kad yang telah tamat tempoh sah dihapuskan serta merta dengan memotong dua kad tersebut dan dipulangkan kepada Bank untuk penggantian kad, sekiranya diperlukan.
- 2.5 Pemegang Kad mesti menggunakan dan menyimpan **Kad Debit-i Bank Rakyat** untuk kegunaannya sendiri dan tidak sesekali menggunakannya selepas pembatalan atau ditarik balik atau selepas Pemegang Kad tidak lagi menjadi pelanggan Bank.

3.0 KERAHSIAAN PIN

- 3.1 Pemegang Kad tidak boleh memberitahu PIN kepada orang lain termasuklah kakitangan Bank. Jika PIN telah diketahui atau disyaki diketahui, Pemegang Kad hendaklah menghubungi Bank dengan SEGERA. Penggantian **Kad Debit-i Bank Rakyat** atau penukaran PIN akan dilakukan sekiranya diperlukan oleh Pemegang Kad.
- 3.2 Sekiranya PIN harus diberitahu atau didedahkan atas apa-apa sebab atau jika Pemegang Kad terlupa PINnya, Pemegang Kad mestilah dengan segera memaklumkan kepada Bank secara lisan dan/atau bertulis dan sekiranya perlu, menyerahkan **Kad Debit-i Bank Rakyat** kepada Bank untuk pembatalan.

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

3.3 Apabila **Kad Debit-i Bank Rakyat** diserahkan untuk pembatalan, Bank atas budi bicara mutlaknya boleh menggantikan **Kad Debit-i Bank Rakyat** yang baru, di atas permintaan Pemegang Kad yang akan menerima dan menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** baru tersebut yang tertakluk kepada Terma dan Syarat ini termasuk sebarang pindaan yang ada.

3.4 Apabila **Kad Debit-i Bank Rakyat** dikeluarkan atau diganti dengan **Kad Debit-i Bank Rakyat** baru, Pemegang Kad harus memilih atau menukar PINnya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa di pad PIN yang disediakan oleh pihak Bank atau di mana-mana ATM Bank Rakyat.

4.0 MY-DEBIT

4.0 Tiada caj yang dikenakan kepada Pemegang Kad/pelanggan bagi setiap transaksi yang dibuat menggunakan perkhidmatan My-Debit.

4.1 Jumlah had pembelian adalah bergantung pada had pengeluaran harian yang dibenarkan seperti dimesin ATM.

4.2 Jumlah pembelian akan didebit terus dari Akaun Simpanan-i Pemegang Kad/pelanggan bagi setiap transaksi pembelian yang berjaya.

4.3 Jika Pemegang Kad/pelanggan ingin membatalkan transaksi pembelian yang dibuat melalui Perkhidmatan My-Debit, pembatalan mesti dibuat pada hari dan tarikh yang sama dengan tarikh transaksi pembelian dibuat dan amaun pembelian akan dikreditkan semula ke Akaun Simpanan-i Pemegang Kad/pelanggan.

4.4 Transaksi My-Debit hanya boleh dilakukan di Saudagar/*merchant* yang disenarai halal sahaja.

5.0 TPIN

5.1 Pemegang Kad boleh menggunakan kemudahan Perbankan Internet Bank Rakyat (iRakyat) melalui pendaftaran TPIN di mana-mana ATM Bank.

5.2 Pemegang Kad perlu memasukkan enam (6) digit nombor pilihan sebagai TPIN.

5.3 TPIN digunakan sebagai nombor akses sekuriti untuk pendaftaran iRakyat kali pertama, memperoleh (terlupa) kata laluan dan/atau nama pengguna iRakyat dan pengaktifan semula akaun iRakyat.

5.4 Pemegang Kad tidak dibenarkan mendedahkan TPIN kepada mana-mana pihak.

5.5 Pemegang Kad hendaklah pada setiap masa mematuhi langkah-langkah keselamatan TPIN yang dikeluarkan oleh Bank.

5.6 Tempoh sah TPIN adalah 24 jam daripada masa permohonan di ATM.

5.7 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian Pemegang Kad yang disebabkan oleh kecuaiannya Pemegang Kad yang mendedahkan atau membocorkan TPIN tersebut kepada mana-mana pihak. Pemegang Kad dikehendaki menyimpan TPIN dengan selamat.

6.0 PENGGUNAAN KAD DEBIT-i BANK RAKYAT

6.1 Dalam tempoh sah dan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, **Kad Debit-i Bank Rakyat** boleh digunakan oleh Pemegang Kad untuk mengakses kemudahan dan perkhidmatan patuh Syariah yang disediakan oleh Bank menerusi **Kad Debit-i Bank Rakyat** dari semasa ke semasa.

6.2 Kemudahan dan perkhidmatan yang dapat diakses menerusi **Kad Debit-i Bank Rakyat** adalah tertakluk kepada baki yang terdapat di dalam Akaun Simpanan-i Pemegang Kad.

6.3 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan atau cuba menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** untuk sebarang urusan niaga, terutamanya pengeluaran tunai, membeli barangan dan/atau perkhidmatan serta membayar atau memindahkan dana dari mana-mana Akaun melainkan wang dalam Akaun Simpanan-i adalah mencukupi.

6.4 Had pengeluaran tunai untuk **Kad Debit-i Bank Rakyat** ditetapkan kepada RM3,000 sehari atau Pemegang Kad boleh menukarkan had pengeluaran tunai terkumpul sehari pada bila-bila masa dengan menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat atau melalui apa-apa cara yang dikenalpasti oleh pihak Bank di masa hadapan tertakluk kepada had maksima terkumpul penggunaan RM5,000 sehari untuk **Kad Debit-i Bank Rakyat**.

6.5 Pengeluaran tunai, bayaran atau pindahan wang adalah tertakluk kepada had maksima terkumpul yang ditetapkan oleh Bank, iaitu RM10,000 sehari dan had maksimum pengeluaran tunai ialah RM2,000 bagi setiap pengeluaran.

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

- 6.6 Pemegang Kad boleh mengubah had pengeluaran tunai dan had urusniaga pindahan pihak ketiga yang ditetapkan oleh Bank kepada pilihan had kedua yang ditawarkan oleh pihak Bank iaitu maksima sebanyak RM10,000. Had terendah seperti yang dinyatakan di subklausu 6.5 atau had yang dipilih oleh Pemegang Kad adalah digunapakai.
- 6.7 Pihak Bank berhak meminda atau mengubah had di subklausu-subklausu 6.4, 6.5 dan 6.6 pada bila-bila masa dan notis berkenaan pindaan atau perubahan tersebut akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dengan memberi notis pemberitahuan tidak kurang daripada 21 hari sebelum penambahan, pembatalan atau pindaan dilaksanakan mengikut kaedah pemberitahuan yang ditentukan atas budibicara Bank sama ada melalui:
- a. penghantaran notis ke alamat terakhir diketahui oleh Bank kepada Pemegang Kad; atau
 - b. penghantaran secara sistem pesanan ringkas atau mel elektronik ke alamat atau nombor telefon Pemegang Kad yang diketahui oleh Bank; atau
 - c. menyiarkan notis mengenainya di laman sesawang rasmi Bank; atau
 - d. mana-mana kaedah pemberitahuan lain yang dirasakan sesuai oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 6.8 Sebarang urusniaga pengeluaran tunai menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** yang dibuat di mana-mana mesin ATM Bank Rakyat tidak akan dikenakan sebarang fi perkhidmatan pengeluaran tunai. Walaubagaimanapun, fi perkhidmatan pengeluaran tunai seperti di klausa 19.5 akan dikenakan untuk setiap pengeluaran tunai yang dibuat di mana-mana ATM rangkaian MasterCard International.
- 6.9 Untuk pengeluaran tunai melalui kaunter bank-bank lain yang menyediakan kemudahan pengeluaran tunai, fi perkhidmatan pengeluaran tunai seperti di klausa 19.5 akan dikenakan.
- 6.10 Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesemua urusniaga yang dibuat dengan **Kad Debit-i Bank Rakyat** tersebut, dan menerima rekod urusniaga Bank sebagai muktamad bagi segala tujuan, dan seterusnya membenarkan pihak Bank untuk mendebit Akaun Pemegang Kad sama ada dengan atau tanpa pengetahuan Pemegang Kad.
- 6.11 **Kad Debit-i Bank Rakyat** tidak boleh digunakan untuk sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk aktiviti perbankan haram menerusi internet, pertaruhan atau perjudian dan tujuan-tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah sama ada secara langsung ataupun tidak langsung (sengaja/tidak sengaja). Pihak Bank berhak menamatkan **Kad Debit-i Bank Rakyat** dengan serta merta dengan memberi notis kepada Pemegang Kad, melalui kaedah makluman seperti di klausa 17.0 sekiranya didapati Pemegang Kad menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** untuk tujuan tersebut.
- 6.12 Penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** di saudagar-saudagar (merchant) berikut mungkin akan dikenakan amaun praguna (pre use amount) dan amaun tersebut adalah berdasarkan jumlah penggunaan dan/atau tertakluk kepada ketetapan pihak saudagar:
- a. Hospital
 - b. Hotel
 - c. Stesen Minyak (Terminal Layan Diri sahaja)
- Nota:
- i. Amaun pra-guna ini adalah berdasarkan amaun transaksi ataupun satu jumlah yang ditetapkan oleh pihak saudagar. Amaun pra-guna tersebut akan dikembalikan setelah pemprosesan *settlement* diterima daripada pihak saudagar dan hanya amaun sebenar transaksi akan didebitkan daripada Akaun Simpanan-i anda.
 - ii. Bagi transaksi petrol, jumlah pra-guna sebanyak RM200 akan dicajkan ke dalam akaun **Kad Debit-i Bank Rakyat** anda. Jumlah pra-guna ini akan dikembalikan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dan hanya jumlah isian petrol sebenar akan dicaj setelah penyelesaian dibuat oleh pihak saudagar. Untuk mengelakkan pegangan amaun pra-guna, anda boleh membuat bayaran dengan menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** di kaunter juruwang di stesen petrol yang terlibat.
 - iii. Bagi transaksi di hotel dan hospital, jumlah pra-guna (bergantung kepada tempoh menetap) akan dicaj semasa mendaftar masuk dan amaun sebenar akan diselaraskan setelah penyelesaian dibuat oleh pihak saudagar.

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

7.0 URUSNIAGA LUAR NEGARA

- 7.1 Pemegang Kad boleh menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** untuk membuat sebarang urusan MasterCard yang patuh Syariah di luar negara, di mana-mana Saudagar yang Dibenarkan atau daripada Saluran Tunai yang Dibenarkan.
- 7.2 Urusniaga yang melibatkan matawang selain daripada Ringgit Malaysia akan terlebih dahulu ditukarkan kepada Dolar Amerika Syarikat secara lani menerusi MasterCard International atas budi bicara mutlakanya, termasuk jumlah 'earmark' oleh pihak Bank sebanyak 1.25% pada tarikh urusan dilakukan dan kemudiannya akan ditukarkan secara lani kepada Ringgit Malaysia pada tarikh urusan dimasukkan ke dalam Akaun.
- 7.3 Semasa proses urusan dimasukkan ke dalam Akaun Pemegang Kad, jumlah 'earmark' 1.25% ini akan dilepaskan dan nilai/jumlah sebenar transaksi berdasarkan kadar pertukaran semasa/pada tarikh kemasukan akan didebitkan dari Akaun Pemegang Kad.
- 7.4 Kadar pertukaran pada tarikh kemasukan mungkin berbeza dengan kadar pertukaran pada tarikh urusan yang disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar yang dikenakan adalah terakhir dan muktamad dan Pemegang Kad hendaklah menanggung sebarang risiko pertukaran dan kerugian yang mungkin terlibat.
- 7.5 Semua urusan di antara negara oleh Pemegang Kad tidak boleh melanggar undang-undang di negara di mana urusan berlaku. Di mana perlu, Pemegang Kad harus mematuhi Peraturan Kawalan Pertukaran yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, dan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran peraturan, termasuk sebarang pindaan padanya.

8.0 KEHILANGAN , KECURIAN DAN PENDEDAHAN PIN TANPA KEBENARAN BAGI KAD DEBIT-i BANK RAKYAT

- 8.1 Pemegang Kad bersetuju dan melaksanakan semua tanggungjawab dan langkah-langkah yang munasabah bagi mencegah kehilangan, kecurian atau pendedahan PIN tanpa kebenaran **Kad Debit-i Bank Rakyat** dan akan segera memaklumkan kepada Bank (jika berlaku di Malaysia) atau mana-mana ahli MasterCard International (jika berlaku di luar negara).
- 8.2 Pemegang Kad faham bahawa kegagalan melaksanakan tanggungjawab dan langkah-langkah munasabah untuk menjaga

Kad Debit-i Bank Rakyat boleh mengakibatkan **Kad Debit-i Bank Rakyat** tersebut digunakan tanpa kebenaran dan mengakibatkan kerugian.

- 8.3 Jika berlaku sebarang kehilangan atau kecurian **Kad Debit-i Bank Rakyat** atau pendedahan PIN tanpa kebenaran dan keadaan seumpamanya, Pemegang Kad perlu memaklumkan kepada Bank dengan kadar SEGERA secara lisan atau bertulis.
- 8.4 Makluman kepada Bank boleh dibuat menerusi telefon atau mana-mana saluran komunikasi yang dianggap sesuai dan diikuti dengan pengesahan bertulis beserta laporan polis tidak lewat daripada tujuh (7) hari dari kejadian tersebut disedari berlaku.
- 8.6 Kecuali dinyatakan dalam klausa 10.0, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesemua urusan yang dibuat dengan menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat**, dan menerima rekod urusan Bank sebagai muktamad untuk segala tujuan, dan seterusnya Pemegang Kad membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Pemegang Kad. Jika **Kad Debit-i Bank Rakyat** yang hilang atau dicuri ditemui, Pemegang Kad tidak dibenarkan menggunakan semula **Kad Debit-i Bank Rakyat** tersebut dan dipulangkan kepada Bank dalam keadaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** tersebut dikerat dua atau beberapa keping, sepanjang jalur magnet atau mikrochip yang tertanam dalam Kad (jika ada) sebaik sahaja **Kad Debit-i Bank Rakyat** ditemui.

9.0 PENGGANTIAN KAD DEBIT-i BANK RAKYAT

- 9.1 Pihak Bank berhak mengenakan bayaran perkhidmatan bagi setiap penggantian **Kad Debit-i Bank Rakyat** yang hilang, dicuri, atau jika nombor PINnya diketahui orang lain atau telah dilupai. Penggunaan kad gantian tertakluk kepada Terma & Syarat yang berkuat kuasa pada tarikh penggantian diluluskan.
- 9.2 Kadar bayaran perkhidmatan untuk penggantian kad boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada budi bicara Bank, dengan memberi notis pemberitahuan sebelum penambahan atau pindaan dilaksanakan tertakluk kepada klausa 19.6.

10.0 LIABILITI PEMEGANG KAD

- 10.1 Pemegang Kad adalah bertanggungjawab kepada semua urusan yang dilaksanakan melalui penggunaan **Kad Debit-i Bank**

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

Rakyat, sama ada urusan tersebut dilakukan dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad.

10.2 Pemegang kad bertanggungjawab ke atas urusan tanpa kebenaran di mana pengesahan PIN diperlukan, sekiranya pemegang kad mendapati:

- a. melakukan penipuan;
- b. kelewatan yang munasabah untuk memaklumkan dengan KADAR SEGERA kepada pihak Bank sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan/kecurian atau penggunaan **Kad Debit-i** yang tidak sah;
- c. dengan sukarela mendedahkan nombor PIN kepada pihak lain; atau
- d. merekod nombor PIN di atas **Kad Debit-i**, atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan **Kad Debit-i** dan kemungkinan hilang atau dicuri bersama kad tersebut.

10.3 Pemegang kad bertanggungjawab ke atas urusan tanpa kebenaran di mana pengesahan tandatangan diperlukan atau penggunaan kad tanpa sentuh, sekiranya pemegang kad mendapati:

- a. melakukan penipuan;
- b. kelewatan yang munasabah untuk memaklumkan dengan KADAR SEGERA kepada pihak Bank sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan/kecurian atau penggunaan **Kad Debit-i** yang tidak sah;
- c. meninggalkan kad atau barang mengandungi kad tanpa dijaga, diletakkan yang boleh dilihat dan diakses oleh pihak lain, kecuali di tempat kediaman pemegang kad. Walaubagaimanapun, pemegang kad diharap mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi **Kad Debit-i** walaupun di tempat kediaman pemegang kad; atau
- d. dengan sukarela membenarkan pihak lain menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat**.

Nota: KADAR "SEGERA" bermaksud kehilangan atau kecurian atau berlaku pendedahan PIN tanpa kebenaran Kad Debit-i dimaklumkan kepada bank dalam tempoh DUA (2) jam dari masa kejadian disedari.

10.4 Jika Pemegang Kad diarahkan Bank untuk mengembalikan **Kad Debit-i Bank Rakyat** dalam keadaan **Kad Debit-i Bank Rakyat**

tersebut dikerat dua atau beberapa keping, sepanjang jalur magnet atau mikrochip yang tertanam dalam Kad (jika ada) kepada Bank dan gagal atau terlupa melakukan sedemikian, Pemegang Kad adalah bertanggungjawab atas kesemua urusan yang dibuat dengan menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat** tersebut, sama ada ia dibenarkan oleh Pemegang Kad atau tidak, sehinggalah **Kad Debit-i Bank Rakyat** dikembalikan kepada Bank secara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

11.0 PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN MELEBIHI DANA

11.1 Pemegang Kad adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penggunaan Kad adalah tidak melebihi jumlah dana yang terdapat di dalam Akaun Simpanan-i.

12.0 ARAHAN TELEKOMUNIKASI

12.1 **Bagi tujuan pengesahan, penyelenggaraan dan memudahcara Akaun, Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diberikan kepada pihak Bank adalah tepat dan terkini. Pemegang Kad mestilah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera bagi sebarang pertukaran maklumat. Pemegang Kad juga, dengan ini bersetuju, maklumat yang terdapat dalam sistem Bank adalah tepat dan terkini dan ia adalah maklumat yang sah digunakan oleh Bank sebagai salah satu sumber untuk pengesahan identiti Pemegang Kad.**

12.2 Pemegang Kad secara khusus bersetuju dan memberikan kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk bertindak mengikut arahan Pemegang Kad yang diberi menerusi telefon atau penghantaran faksimili atau melalui sebarang cara lain, arahan telekomunikasi (seterusnya dirujuk sebagai "Arahan Telekomunikasi") yang mana Bank mengikut budi bicaranya yakin datang daripada Pemegang Kad.

12.3 Pihak Bank akan mengesahkan identiti dan PIN Pemegang Kad melalui proses keselamatan yang diwujudkan oleh Bank (yang mungkin berubah dari semasa ke semasa).

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

- 12.4 Pemegang Kad mesti merahsiakan PIN dan kata laluan dan tidak boleh mendedahkannya kepada sesiapa pun.
- 12.5 Bank akan melaksanakan langkah-langkah munasabah untuk mengesahkan identiti individu **berdasarkan maklumat yang dinyatakan di subklausu 12.1** yang memberikan arahan telekomunikasi sebagaimana dinyatakan dalam subklausu **12.2**, dianggap dibuat atas nama Pemegang Kad dan Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Kad atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad sekiranya arahan telekomunikasi tersebut datang dari individu lain, selain daripada Pemegang Kad.
- 12.6 Walaubagaimanapun, Pemegang Kad boleh membuat rayuan kepada pihak Bank sekiranya Pemegang Kad boleh membuktikan bahawa arahan yang diterima oleh pihak Bank bukan datang daripada Pemegang Kad.
- 12.7 Sekiranya Bank bersetuju bertindak menurut arahan telekomunikasi seperti yang disebut di dalam Klausu ini dan siasatan mendapati tiada sebarang kecuaihan daripada Bank, Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk membayar sepenuhnya kepada Bank bagi semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan/atau perbelanjaan yang ditanggung, dialami atau yang dikenakan ke atas Bank.
- 13.0 PENGECUALIAN LIABILITI**
- 13.1 Kecuali disebabkan oleh kecuaihan melampau dari pihak Bank, Bank tidak akan dalam sebarang keadaan, bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad, termasuk kehilangan reputasi atau rasa malu:
- a. dari segi sebarang kenyataan yang memburuk-burukkan atau implikasi yang mungkin timbul akibat:
 - i. sebarang penamatan atau pembatalan **Kad Debit-i Bank Rakyat** atau penolakan Bank untuk menggantikan **Kad Debit-i Bank Rakyat** dan/atau;
 - ii. sebarang pembatalan, penggantungan atau sekatan penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** dan/atau;
 - iii. penarikan balik sebarang manfaat, perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad menerusi **Kad Debit-i Bank Rakyat** dan/atau;
 - iv. pindaan, perubahan, pembatalan atau penggantungan semua atau mana-mana manfaat, perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad menerusi **Kad Debit-i Bank Rakyat**;
 - v. sebarang rasa tidak puas hati terhadap kualiti, keberkesanan dan/atau ketulenan barangan yang dibeli dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh Saudagar Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan;
 - vi. pembelian, urusaniaga, kontrak dan/atau perjanjian melibatkan penipuan yang dilakukan atau disertai oleh Pemegang Kad dengan mana-mana Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan.
- b. yang timbul daripada sebarang tindakan atau kegagalan pelaksanaan oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan, untuk sebarang sebab;
 - c. yang timbul daripada penolakan Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan untuk menerima **Kad Debit-i Bank Rakyat**;
 - d. dari segi sebarang pernyataan, perwakilan atau komunikasi oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan;
 - e. akibat kerosakan atau kekurangan terhadap barangan yang dibeli dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan;
 - f. sekiranya **Kad Debit-i Bank Rakyat** tidak diterima oleh Pemegang Kad selepas penghantaran **Kad Debit-i Bank Rakyat** atau **Kad Debit-i Bank Rakyat** disekat atau disimpan oleh mana-mana individu selain daripada Pemegang Kad dalam perjalanan;
 - g. timbul akibat kegagalan atau kelalaian Pemegang Kad untuk menepati dan mematuhi klausa-klausa di dalam Terma dan Syarat ini;
 - h. timbul akibat pemulangan sebarang cek, draf atau instrument yang didepositkan di ATM yang ditetapkan tetapi tidak diterima oleh Bank atas apa jua alasan;

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

- i. akibat daripada keengganan Bank untuk menerima kesemua atau mana-mana urusan menggunakan **Kad Debit-i Bank Rakyat**;
- j. sekiranya sebarang urusan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Arahan Telekomunikasi) yang datang daripada individu tanpa kebenaran yang dianggap atas nama Pemegang Kad;
- k. timbul daripada keengganan Bank menerima atau melaksanakan sebarang Arahan Telekomunikasi.

13.2 Pemegang Kad akan menguruskan sebarang tuntutan atau pertikaian terus dengan Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan dan walaupun sebarang tuntutan atau pertikaian atau sementara menunggu resolusi atau penyelesaiannya, Pemegang Kad adalah bertanggungjawab dan tidak menahak sebarang pembayaran yang sewajarnya dan perlu dibayar kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini bagi semua urusan dengan Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan.

13.3 Selain daripada jika disebabkan secara langsung oleh kecuaihan melampau Bank, Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kecederaan atau kerosakan yang dialami termasuk kerugian turutan dan ekonomi walau apa pun sebabnya dan/atau timbul akibat kerosakan mekanikal atau kegagalan ATM, **SST (Self Service Technology)** atau oleh sebarang keadaan yang di luar kawalan Bank atau oleh mogok atau masalah pekerja yang lain.

14.0 TANGGUNG RUGI

14.1 Selain daripada dan tanpa prasangka terhadap hak yang diperuntukkan di bawah Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad mengaku janji untuk menanggung rugi pihak Bank daripada semua tindakan, tindakan undang-undang, tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perbelanjaan guaman dengan pelepasan tanggungan menyeluruh) yang ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan hak-haknya di bawah Terma dan Syarat ini, akibat daripada salah urus dan pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat oleh Pemegang Kad dan/atau akibat daripada Bank menerima atau enggan menerima Arahan Telekomunikasi. Walaubagaimanapun, Ahli Kad boleh

membuat rayuan kepada pihak Bank secara bertulis untuk melaksanakan siasatan ke atas aduan yang dibuat.

14.2 Sekiranya siasatan mendapati pihak Bank telah melaksanakan segala langkah yang munasabah untuk mengelakkan sebarang kerugian yang mungkin di alami oleh Pemegang Kad, dengan ini, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada Bank secara berterusan sehinggalah liabiliti Bank dilunaskan sepenuhnya. Tanggungjawab ini hendaklah mengikat Pemegang Kad dan penerima serah hak, wakil, dan pengganti peribadinya untuk menuntut sebarang hak ke atas akaun Pemegang Kad sehingga liabiliti Bank dilunaskan sepenuhnya.

15.0 PENYATAAN

15.1 Pemegang Kad dengan jelas bersetuju dan membenarkan Bank dan/atau pegawainya untuk:

a. menggunakan, menzahirkan atau mendedahkan sebarang maklumat berkaitan **Kad Debit-i Bank Rakyat**, Pemegang Kad dan Akaunnya dalam sebarang bentuk yang boleh diterima oleh pihak Bank dari semasa ke semasa apabila terdapat keperluan, termasuk tetapi tidak terhad:

- i. kepada mana-mana saudagar, bank atau institusi kewangan, MasterCard International dan mana-mana ahli Institusi MasterCard International dan mana-mana pihak lain bagi memudahkan penggunaan **Kad Debit-i Bank Rakyat** atau pemprosesan sebarang urusan atau sebarang penyiasatan dalam sebarang bentuk;
- ii. kepada mana-mana individu untuk atau berkaitan dengan sebarang tindakan atau tindakan undang-undang yang diambil untuk mendapatkan wang yang belum dijelaskan dan perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
- iii. kepada mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana institusi lain atau pihak berkuasa yang mempunyai kuasa ke atas Bank;
- iv. kepada saudara-mara Pemegang Kad atau mana-mana pihak yang secara langsung terlibat dalam tuntutan atau

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

pertikaian yang timbul daripada penggunaan atau dianggap penggunaan atau kehilangan Kad Debit-i Bank Rakyat bagi tujuan siasatan;

v. kepada pihak berkuasa yang sewajarnya yang Bank anggap perlu dalam penyiasatan tuntutan atau pertikaian dan/atau kepada mana-mana pihak berkaitan yang Bank anggap sesuai dan wajar; dan/atau

vi. kepada Ibu Pejabat Bank Rakyat.

b. memeriksa baki dalam Akaun Simpanan-i pada bila-bila masa dan difikirkan sesuai tanpa perlu merujuk kepada Pemegang Kad.

16.0 PERTIKAIAN

16.1 Pemegang Kad boleh menyelesaikan terus semua rungutan, tuntutan dan pertikaian terhadap Saudagar Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan dan tanpa menerusi Bank.

16.2 Bank tidak menanggung sebarang liabiliti bagi sebarang pertikaian yang timbul di antara Pemegang Kad dan Saudagar atas sebab-sebab berikut:

- 1) Saudagar mengubah harga barangan dan perkhidmatan yang dibeli melalui Kad.
- 2) Jika mana-mana saudagar atau institusi kewangan enggan untuk mengiktiraf Kad.
- 3) Sebarang pertikaian berhubung dengan jenis, kualiti, kecacatan, kerosakan, keselamatan, kepatuhan Syariah, waranti barangan / perkhidmatan yang dibeli melalui Kad samada tersurat mahupun tersirat.

16.3 Sebarang tuntutan dan/atau pertikaian yang Pemegang Kad ada terhadap Saudagar Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan, tidak mengecualikan Pemegang Kad daripada kewajipan untuk membayar jumlah yang dikenakan di bawah Terma dan Syarat ini kepada Bank.

16.4 Pemegang Kad bersetuju dan mengakui bahawa sebarang tuntutan atau pertikaian berkaitan pengebilan berulang dan/atau pengebilan yang tertera dalam penyata Akaun Simpanan-i boleh dikemukakan

terus oleh Pemegang Kad kepada Saudagar Dibenarkan dan tidak menyebabkan Bank bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun.

16.5 Bank tidak akan melayan sebarang permintaan Pemegang Kad untuk menahan, menghentikan atau menggantung sebarang pengebilan urusanniaga pembayaran berhubung sebarang rungutan, tuntutan dan/atau pertikaian oleh Pemegang Kad terhadap mana-mana Saudagar Dibenarkan atau Pengeluar Tunai Dibenarkan.

16.6 Di dalam keadaan yang membenarkan Pemegang Kad untuk caj balik urusanniaga-urusanniaga MasterCard kepada Saudagar yang Dibenarkan, di mana urusanniaga dilakukan (sekiranya ada hak untuk caj balik) dengan syarat Pemegang Kad membuat aduan/tuntutan atau pertikaian kepada Bank secara bertulis dalam tempoh 14 hari daripada tarikh urusanniaga dan/ atau tarikh transaksi dicajkan di dalam Akaun dan Pemegang Kad telah memberikan segala maklumat yang perlu yang diminta oleh Bank untuk menyokong caj balik tersebut serta dibuat dalam jangka masa yang ditetapkan oleh Bank.

17.0 NOTIS

17.1 Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada pihak Bank sebarang perubahan dalam butiran peribadinya termasuk nombor kad pengenalan, nama, alamat dan nombor telefon yang mungkin berubah dari semasa ke semasa untuk memastikan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang berpunca daripada penolakan permohonan yang disebabkan oleh permohonan berganda, permohonan yang disyaki, tidak tepat dan/atau tidak lengkap dan sebagainya, yang di luar kawalan pihak Bank.

17.2 Kegagalan Pemegang Kad untuk memaklumkan Bank mengenai perkara tersebut juga akan menyebabkan kelewatan atau pemulangan sebarang penyata, surat atau notis tidak menjejaskan hak-hak atau kelayakan Bank seperti dinyatakan di bawah.

17.3 Sebarang penyata akaun, surat atau notis kepada Pemegang Kad akan diserahkan atau dikirim melalui transmisi faksimili atau teleks atau melalui pos (berdaftar, biasa atau lain-lain) ke alamat terakhir Pemegang Kad yang berdaftar dengan Bank dan dianggap telah diterima tepat pada masanya oleh Pemegang Kad pada masa ia diserahkan, dihantar melalui transmisi faksimili atau teleks atau dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas pengiriman

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

walaupun ia tidak sampai atau dikembalikan, mengikut keadaan, dan jika diposkan, adalah memadai untuk membuktikan yang notis telah dialamatkan dan dikirimkan dengan betul.

17.4 Walaupun dinyatakan dalam Subklausu di atas, semua surat-menyurat atau notis umum boleh diberikan kepada Pemegang Kad dengan memaparkan notis tersebut di premis-premis Bank di mana Akaun diselenggarakan atau di cawangan-cawangan Bank, menerusi penerbitan dan pengiklanan dalam mana-mana akhbar yang diedarkan di Malaysia dan/atau menerusi mana-mana media lain yang dipilih oleh Bank dan Pemegang Kad dianggap telah menerimanya pada tarikh penerbitan, pengiklanan atau penyiaran berkenaan.

17.5 Walau apa pun peruntukan lain bertentangan yang terkandung dalam Perjanjian ini, Pemegang Kad secara jelas dan suci hati bersetuju bahawa mana-mana kaedah pemberitahuan/makluman/notis yang diberi atau akan diberikan kepada Pemegang Kad boleh disampaikan Bank kepada Pemegang Kad:-

- i. melalui telefon;
- ii. melalui sistem pesanan ringkas (SMS) atau mel elektronik; atau
- iii. borang yang dihasilkan melalui komputer.

yang mana melalui kaedah tersebut, pemberitahuan/makluman/notis tidak akan menanggung apa-apa tandatangan dan/atau mungkin mengandungi salinan tandatangan bercetak.

Pemegang Kad juga bersetuju bahawa, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab bagi apa-apa kegagalan, gangguan dan kerosakan yang disebabkan oleh isu teknikal, perkakasan, perisian atau ralat yang berbangkit daripada apa-apa kaedah pemberitahuan/makluman/notis tersebut di pihak Pemegang Kad yang diluar bidang kuasa Bank.

18.0 UMUM

18.1 Terma & Syarat-Syarat yang dikenakan bagi kegunaan Kad juga termasuk kegunaan bagi Rangkaian ATM bersama di bawah MEPS atau mana-mana institusi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

18.2 Melainkan disebut dengan nyata sebaliknya di sini, kesemua Terma dan Syarat yang mengawal operasi Akaun dengan Bank adalah terpakai dan berkuat kuasa sepenuhnya ke atas dan /atau Pemegang Kad.

18.3 Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada Pemegang Kad untuk meminda, menukar atau menambah mana-mana peruntukkan Terma & Syarat ini. Pemegang Kad dengan ini bersetuju dengan sebarang pindaan, pertukaran atau tambahan seperti yang dinyatakan. Notis dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad jika notisnya dihantar ke alamat terakhir yang diberikan oleh Pemegang Kad, sama ada Pemegang Kad menerima atau tidak notis tersebut. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memberi alamat surat-menyuratnya yang terbaru bagi tujuan ini dan tujuan-tujuan lain.

18.4 Pemegang Kad bersetuju bahawa penggunaan Kad adalah atas tanggungan Pemegang Kad sepenuhnya. Pemegang Kad juga menanggung mana-mana dan kesemua risiko yang berkaitan atau bersangkutan atau yang mungkin timbul akibat dari penggunaan Kad.

19.0 YURAN DAN CAJ YANG DIKENAKAN OLEH BANK RAKYAT

19.1 Pemegang Kad bersetuju membayar semua yuran dan caj yang dikenakan dalam Terma dan Syarat ini dan membenarkan pihak Bank mendebitkan Akaunnya pada tarikh dan tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.

19.2 Yuran permohonan kad:

- a. RM8 untuk Kad Debit-i Bank Rakyat termasuk Kad Debit-i *Co Brand*

19.3 Yuran Tahunan

- a. Percuma untuk tahun pertama bagi Kad Debit-i Bank Rakyat termasuk Kad Debit-i *Co Brand*
- b. RM8.00 untuk tahun kedua dan seterusnya, sepanjang tempoh sah kad (Yuran ini akan dikenakan pada setiap tarikh ulang tahun kad tersebut).

19.4 Yuran Keahlian – Tiada

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

- 19.5 Fi Perkhidmatan Pengeluaran Tunai (Fi akan dikenakan pada tarikh transaksi dilaksanakan)
- Di ATM Bank Rakyat – Tiada
 - Di ATM Bank Lain (*Not-on-us*: Domestik - melalui MEPs) – RM1.00
 - LIFB (*Local Incorporated Foreign Bank*) – RM4.00
 - MEPs Serantau – RM12.00
 - ATM dan Kaunter Bank Lain di luar Malaysia (*Not-on-us: International*) – RM12.00
- 19.6 Caj Penggantian Kad
- Kehilangan/kecurian kad – RM12
 - Kerosakan Kad/Cip – Tiada
- 19.7 Caj Salinan Deraf Jualan (Caj yang dikenakan ke atas pembelian melalui rangkaian MasterCard)
- RM5.00 untuk setiap permintaan ke atas salinan deraf jualan;
 - RM15.00 untuk setiap permintaan ke atas salinan asal deraf jualan.
- 19.8 Caj Salinan Penyata akaun via ATM – Tiada
- 19.9 Pertanyaan baki di ATM bank lain
- Melalui MEPs – Tiada
 - Melalui rangkaian MasterCard – RM1.00
- 19.10 Pemindahan dana
- Melalui IBG – RM0.10
 - Melalui IBFT – RM0.50
- 19.11 Pembayaran bil – Tertakluk kepada agensi yang terlibat.
- 19.12 Pembelian MyDebit – RM0.00
- 19.13 Transaksi Tabung Haji
- Deposit tunai (CDM)/Pemindahan – RM1.00
 - Pengeluaran Tunai – RM1.00

- Pertanyaan Baki – RM0.00
- Pendaftaran Haji – RM0.00

19.14 Transaksi Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)

- Deposit Tunai – RM0.50 + GST
- Pengeluaran Tunai – RM0.50 + GST
- Pertanyaan Baki – RM0.00
- Pindahan Dana – RM0.50 + GST

19.15 Tambah nilai prabayar mudah alih – RM0.00

- 19.16 Yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank Rakyat ini boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada budi bicara Bank. Sekiranya terdapat perubahan kepada yuran dan caj tersebut, Bank akan memberi notis pemberitahuan tidak kurang daripada 21 hari sebelum penambahan, pembatalan atau pindaan dilaksanakan mengikut kaedah pemberitahuan yang termaktub dalam klausa 17.0.

Nota : *Tertakluk kepada 6% Cukai Barang dan Perkhidmatan GST, di mana berkenaan.

20.0 BAYARAN

- 20.1 Sebarang wang yang perlu dijelaskan kepada Pemegang Kad di bawah Terma dan Syarat ini terutamanya dari mana-mana pelarasan dan pembetulan yang perlu atau sebarang keputusan terhadap pertikaian atau tuntutan oleh Pemegang Kad akan dikreditkan ke Akaun berkaitan, secara dan tertakluk kepada ketetapan Bank seperti yang ditentukan oleh Bank.

21.0 PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

- 21.1 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa dan berterusan walaupun terdapat sebarang peluputan, pembatalan dan penggantungan **Kad Debit-i Bank Rakyat** oleh Bank.

22.0 BUKTI PENGGUNAAN

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

- 22.1 Apabila **Kad Debit-i Bank Rakyat** diterima oleh Pemegang Kad, tanggungjawab membuktikan Kad Debit-i MasterCard tersebut tidak digunakan oleh Pemegang Kad semasa urusan yang dipertikaikan berlaku adalah terletak pada Pemegang Kad itu sendiri.
- 22.2 Melainkan dan sehingga dibuktikan dan setelah Bank berpuas hati, Pemegang Kad adalah bertanggungjawab ke atas semua urusan di bawah Akaun berkaitan, yang timbul daripada urusan yang dipertikaikan tersebut atau mana-mana satu daripadanya.

[termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dibawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014]. Sekiranya terdapat sebarang cukai dikenakan dibawah apa-apa perundangan atau Akta GST, Bank berhak mengenakan Pemegang Kad caj cukai dan/atau GST bagi maksud penggunaan perkhidmatan **Kad Debit-i Bank Rakyat** ini, yang dikehendaki dibayar di bawah undang-undang. Kewajipan pembayaran cukai dan/atau GST adalah sebahagian terma & syarat perkhidmatan **Kad Debit-i Bank Rakyat**.

23.0 PENGGUNAAN DATA PERIBADI

- 23.1 Pemegang Kad bersetuju untuk Bank mengumpul data peribadi Pemegang Kad dan digunakan/diproses antara lain bagi tujuan penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran/pengiklanan produk atau perkhidmatan dari semasa ke semasa; prosedur perkhidmatan/perhubungan pelanggan; penilaian kredit dan semakan latar belakang Pemegang Kad dengan pihak-pihak sepertimana yang dianggap sesuai; memenuhi keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan perkhidmatan atau produk Bank; penyelidikan, penanda aras dan analisis perangkaan; dan membolehkan Bank menghantar maklumat kepada Pemegang Kad melalui notis, panggilan telefon, SMS, E-mel, media sosial atau apa-apa cara yang munasabah dari semasa ke semasa dan Bank akan terus mengawal data peribadi Pemegang Kad dengan sewajarnya selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 23.2 Pemegang Kad boleh memohon semakan data peribadi dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Bank, untuk memastikan kesahihan dan ketepatan data peribadi yang disimpan oleh Bank.
- 23.3 Pemegang Kad boleh menarik balik persetujuan ini dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Bank, sekiranya telah membatalkan atau dibatalkan perkhidmatan **Kad Debit-i Bank Rakyat**.

24.0 CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

Yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank adalah tidak termasuk cukai yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa